

Analisa Kerangka Bursa *Suq al-sila'*

Mohd Nor Hisham Mazlan
Jabatan Syariah dan Pengurusan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Email: hisham.mazlan87@gmail.com

Ab. Mumin Ab. Ghani
Jabatan Syariah dan Pengurusan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Email: abmumin@um.edu.my

Nurshuhaida Abdul Razak
Jabatan Perniagaan dan Ekonomi
Kolej Poly-Tech Mara Kuala Lumpur
Email: nurshuhaida@gapps.kptm.edu.my

ABSTRAK

Tawarruq telah diperkenalkan di dalam sistem kewangan Islam di Malaysia untuk menggantikan *bai al-inah* yang mewujudkan pelbagai kontroversi dalam kalangan sarjana kewangan Islam. Justeru, untuk memudahkan pelaksanaan *tawarruq* dan mengatasi isu-isu Syariah yang timbul, platform Bursa *Suq al-Sila'* (BSAS) telah diwujudkan. Namun begitu, pelaksanaan *tawarruq* dan platform BSAS dalam industri kewangan Islam telah mewujudkan perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana kewangan Islam semasa. Kajian ini bertujuan untuk memahami rangka kerja BSAS, menerangkan jenis-jenis komoditi dan spesifikasi komoditi yang di benarkan oleh pihak Bursa Malaysia Islamic Services (BMIS), peserta-peserta dalam platform BSAS dan menganalisa isu-isu yang wujud di platform BSAS. Justeru, penyelidik menjadikan platform BSAS sebagai kajian kes. Penyelidik menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan internet untuk mengumpulkan data. Kaedah temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap Naib Presiden BSAS, Pegawai Syariah Bank Rakyat dan Pegawai Syariah Hong Leong Islamic Bank untuk mendapatkan data primer. Kertas kerja ini akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai aliran urus niaga BSAS dan membentangkan tentang isu-isu Syariah yang wujud. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa aspek pelaksanaan platform BSAS menimbulkan sedikit isu Syariah. Justeru kertas kerja ini dijangka mampu untuk menambah baik platform BSAS dan prinsip *tawarruq*.

Kata kunci: BSAS, *Tawarruq*, BMIS, Komoditi, Platform

PENGENALAN

Sistem kewangan Islam kini muncul sebagai satu komponen yang berdaya maju di dalam sistem kewangan semasa. Malahan terus berkembang pesat menguasai sistem kewangan semasa. Sistem kewangan Islam merangkumi sistem perbankan Islam, Pasaran Wang antara Bank Islam, Takaful, Pasaran Modal Islam. (B.N. Malaysia 2003) Pada masa kini perbankan Islam telah wujud di setiap pelosok dunia dan dianggap sebagai satu sistem alternatif berdaya maju yang mampu memenuhi kehendak orang ramai melalui produk yang ditawarkan. (Mohamad, M.T. et.al., 2010) Perbankan Islam turut diakui sebagai sebuah industri yang paling pantas berkembang sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Di Malaysia, perbankan Islam telah mula bertapak lebih awal iaitu pada tahun 1983. (B.N. Malaysia 1993) Pelbagai prinsip di gunakan di dalam produk pembiayaan dan kemudiannya diperkenalkan di Malaysia seperti *murabahah*, *al-ijarah thumma al-bai* (AITAB), *bai' bithamamin 'ajil* (BBA) dan *bai' al-'inah*. Perkembangan produk-produk perbankan Islam yang inovatif membuktikan sistem perbankan Islam Malaysia memacu ke hadapan untuk berdaya saing dengan sistem perbankan konvensional. Namun begitu prinsip *bai' al-'inah* yang diperkenalkan di Malaysia menimbulkan kontroversi dalam kalangan sarjana Timur Tengah. (Shaharuddin, A., t.t.) Di Malaysia, prinsip *bai' al-'inah* telah dibenarkan oleh Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia

tetapi majoriti badan pengeluar fatwa di Timur Tengah tidak membenarkan prinsip ini kerana ia membawa kepada amalan riba. (Laldin, M. A. et.al., 2012) Bagi memenuhi dan menepati kehendak Syariah, maka prinsip *tawarruq* diperkenalkan. Ia bertujuan untuk menggantikan prinsip *bai' al-'inah* yang mendapat reaksi negatif daripada badan pengeluar fatwa di Timur Tengah. (Ab. Ghani, A. M. dan Che Abdullah, A. S., 2006) Malahan terdapat beberapa prinsip yang menjadi 'prinsip asas' perbankan Islam tempatan seperti pembiayaan BBA 'diganti' dengan *musyarakah mutanqisah, bai' al-'inah* dan *bai' al-dayn* diganti dengan *tawarruq*. (M.A.M. Adil, 2012) *Tawarruq* ialah membeli barang secara tangguh, kemudiannya menjual semula secara tunai kepada pihak ketiga dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang dibelinya bagi tujuan untuk mendapatkan tunai. (Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, 1998).

Bagi melancarkan serta memudahkan pelaksanaan prinsip *tawarruq* pihak perbankan memerlukan satu platform yang membantu untuk memudahkan pelaksanaan *tawarruq*. Perbankan Islam di Malaysia mula menggunakan platform London Metal Exchange (LME) untuk memudahkan pelaksanaan *tawarruq*. Namun timbul isu Syariah di LME seperti wujudnya unsur *gharar* di mana komoditi yang di niagakan di LME adakah benar-benar dijual kepada satu pihak tau lebih dari satu pihak, kewujudan logam yang di niagakan di LME juga tidak jelas yang mana satu menjadi hak milik para pembeli yang membuat pembelian di LME serta timbul juga isu mekanisme mengenal pasti dan penanda aras terhadap komoditi yang di niagakan di LME, sama ada berlaku pertindihan pemilikan yang boleh menyebabkan tercetusnya isu *gharar*. (Mohd Noor, A. dan Mahadi, N. F. 2010), (S.S Rayner, 1991) Justeru, BSAS di wujudkan berperanan sebagai suatu platform menyediakan urusan niaga perdagangan komoditi serta berperanan juga untuk mengatasi isu-isu Syariah yang wujud di dalam platform LME. Menurut Shamsul Akmal Ahmad pada dasarnya nama platform perdagangan komoditi ini adalah "*Bursa Komoditi Murabahah Market*", namun untuk menjadikan ia adalah produk keluaran Bursa Malaysia maka ia di namakan sebagai Bursa *Suq al-Sila'*. Bursa *Suq al-Sila'* (بورصة سوق السلع) merupakan gabungan perkataan bahasa Arab iaitu *Bursah* (platform), *suq* (pasaran) dan *al-sila'* (barang/komoditi). (Sulaiman, S., 2013)

Pada asasnya konsep platform BSAS bermula pada tahun 2005 dan memerlukan tempoh 2 tahun untuk melengkap platform BSAS, ini kerana wujud masalah komunikasi di antara pihak Bursa Malaysia dengan pihak Korea untuk menghasilkan platform BSAS. Tahun 2007 Bursa Malaysia bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Malaysia International Islamic Finance (MIFC), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM) untuk menjayakan platform BSAS sebelum memasuki pasaran. Pada tahun 2009 barulah secara rasminya BSAS memulakan operasinya. Sungguhpun kewujudan platform BSAS bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah Syariah yang timbul, namun masih lagi wujud beberapa persoalan negatif ke atas platform BSAS. Oleh kerana kewujudannya masih baru dalam pasaran, platform BSAS dan prinsip *tawarruq* tidak terlepas daripada kritikan dalam kalangan para pengkaji. Hal ini berikutan wujudnya dakwaan bahawa platform BSAS dan prinsip *tawarruq* adalah merupakan helah kepada riba dan melibatkan elemen *gharar*. Schubungan itu, kajian ini cuba meneliti kerangka BSAS dengan terperinci dan menjadikan platform BSAS sebagai sampel kajian kerana ia merupakan platform yang mula mendapat tempat di pasaran semasa.

ULASAN PENYELIDIKAN LEPAS

Dusuki, A.W. et.al membincangkan tentang BSAS dengan membuat perbandingan di antara komoditi *murabahah* di dalam BSAS dengan *Jakarta Future Exchange Shariah Indonesia*(JFX). Di awal perbincangan, beliau memberikan pendapat dan pandangan daripada ulama-ulama klasik berkaitan dengan *tawarruq*. Beliau menyatakan perbezaan di antara *tawarruq* terdahulu dengan *tawarruq* moden pada masa kini. Seterusnya, pengkaji membincangkan beberapa isu Syariah yang timbul di dalam pelaksanaan BSAS dan JFX iaitu dari segi komoditi, pemilikan, penghantaran dan *tawatu'* (pra penghantaran dan penyusunan). Pengkaji turut membincangkan perbandingan dari sudut pelaksanaan BSAS dan JFX iaitu merangkumi tujuan, ciri-ciri asas, aset pendasar dan kontrak, peserta, penerimaan penghantaran, bayaran proses penghantaran, pembayaran, tempoh perdagangan, harga, transaksi minimum dan entiti yang mengawal selia BSAS dan JFX. (Dusuki, A.W. et.al, 2013)

Mohd Noor, A. et.al membuat kajian mengenai prinsip Syariah iaitu *murabahah* dan *tawarruq* mendasari komoditi *murabahah* dengan membincangkan tentang kontrak *tawarruq* yang dibenarkan dan tidak dibenarkan oleh para *fugaha* semasa. Pengkaji turut membincangkan, terdapat tiga masalah yang boleh membawa kepada ke tidak bolehkan transaksi berlaku, tetapi dengan platform BSAS permasalahan tersebut dapat dikurangkan dan dapat di elakkan. Antara permasalahan yang diperbincangkan adalah, masalah komoditi yang di tawarkan iaitu merangkumi isu *gharar*, harga

komoditi, dilema penggunaan minyak sawit mentah, dan caj yang mahal dikenakan untuk penghantaran komoditi. Masalah yang seterusnya diperbincangkan adalah, pelaksanaan kontrak yang mana banyak diperbincangkan oleh sarjana Islam terhadap perdagangan pasaran komoditi *murabahah* dan isu wakalah di dalam urus niaga komoditi *murabahah*. Seterusnya, ialah kontrak jual beli yang dimeterai yang mana penglibatan pihak ketiga adalah untuk mengelak berlakunya riba yang di tegah dalam Syariah dan juga kontrak *murabahah* dan *bai' muajjal* adalah kontrak penutup kepada berlakunya riba. Pengkaji mendapati, bahawa platform BSAS yang di tawarkan oleh Bursa Malaysia mempunyai kelebihan yang tersendiri untuk menutupi isu-isu Syariah yang wujud dan merupakan platform alternatif Islam berbanding dengan kewangan dan perbankan konvensional. (Mohd Noor, A. dan Mahadi, N.F. 2010)

Hasan, A. lebih memfokuskan kajian tentang kekurangan kecairan dalam institusi kewangan akan terdedah kepada risiko kecairan (*liquidity risk*). Selain itu, pengkaji menyenaraikan instrumen pengurusan kecairan yang telah di wujudkan di dalam sistem kewangan Islam di peringkat global merangkumi senarai negara-negara penggunaan instrumen kecairan. Selanjutnya, pengkaji turut menyatakan penggunaan komoditi *murabahah* di dalam pengurusan kecairan institusi kewangan Islam di Malaysia yang mengguna pakai kontrak *tawarruq*. Selain itu, penulis turut menyatakan isu ke tidak boleh niaga instrumen yang menggunakan komoditi *murabahah* akibat daripada hutang yang terhasil daripada transaksi *tawarruq* tersebut adalah diterima sebagai tidak boleh diniagakan oleh majoriti ulama, melainkan secara *at par* dan berlaku secara *spot*, jika sekiranya hutang tersebut dalam bentuk wang dan pembayarannya juga mestilah dalam bentuk wang. Akhir sekali, pengkaji mengakui terdapat pelbagai isu-isu yang masih wujud dalam komoditi *murabahah*. Namun pengkaji mengakui keperluan untuk mewujudkan sebuah pengurusan kecairan yang baik memerlukan kerjasama dari semua pihak. Pelaksanaan komoditi *murabahah* sebagai satu contoh untuk menggambarkan keperluan untuk mempunyai instrumen-instrumen yang menepati Syariah dan juga *viable* untuk digunakan demi menguruskan kecairan di institusi-institusi kewangan Islam. (Hasan, A. 2011)

Rudnyckyj, D. membuat kajian mengenai kewangan Islam di Malaysia yang merupakan salah satu sistem kewangan Islam yang gah di Asian yang mana Malaysia merupakan hab kewangan Islam. Pembangunan kewangan Islam bermula daripada negara, berkembang ke peringkat pertumbuhan global. Antaranya seperti pihak kerajaan Malaysia melalui Bursa Malaysia telah melancarkan *Bursa Suq al-Sila'* sebagai platform dagangan komoditi yang khusus untuk memudahkan pengurusan mudah tunai sistem perbankan Islam di seluruh dunia. Menjadikan komoditi pertanian seperti minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil*) sebagai aset pendasar supaya menjadi kontrak yang mematuhi kehendak Syariah. Kontrak ini dikenali sebagai kontrak *murabahah*. Di akhir kajian, penulis menyatakan Malaysia sebagai "Wall Street Islam" merupakan rangkaian global kewangan Islam yang memenuhi keperluan pasaran di Asia dan di Timur Tengah. (Rudnyckyj, D. 2013)

Sulaiman, S. membincangkan tentang BSAS dari sudut pengurusan kecairan tunai. Pengkaji turut membincangkan tentang pelaksanaan BSAS dengan mendapat sokongan dan dokongan daripada pelbagai pihak. Beliau turut membincangkan tentang keunikan BSAS yang mana melibatkan kombinasi di antara perdagangan aset fizikal menerusi aplikasi elektronik secara maya, merentasi sempadan dan dapat di akses dari seluruh dunia. Aset pendasar bagi BSAS adalah minyak sawit mentah dan *polythylene (plastic resin)*. Mekanisme transaksi BSAS juga turut diperbincangkan dan juga isu-isu Syariah yang mendapat tempat di dalam kajian beliau. BSAS juga turut mendapat pelbagai anugerah bagi mengukuhkan lagi di pasaran tempatan dan global. (Sulaiman, S. 2013)

Dusuki, A.W. telah memfokuskan kajian mengenai Program Komoditi *murabahah* (CMP) sebagai salah satu mekanisme untuk keperluan kecairan dan peluang pelaburan kepada Institusi Kewangan Islam. Beliau juga turut mengkaji tentang beberapa isu Syariah berkaitan dengan kontrak yang diguna pakai di dalam CMP iaitu kontrak *tawarruq*. Beliau mendatangkan pandangan daripada keempat-empat mazhab yang terkenal dan juga fatwa *Majma' Fiqh Islami* pada tahun 2003 telah mengharamkan penggunaan kontrak *tawarruq munazzam* atau *tawarruq masrafi*. Seterusnya, kajian beliau mengenai konsep pengurusan mudah tunai yang telah diguna pakai di dalam institusi kewangan Islam, perbincangan yang lebih mendalam mengenai konsep dan kaedah operasi pengurusan mudah tunai berdasarkan kepada pendekatan Islam. Kajian beliau lagi, mengenai konsep, struktur dan mekanisme CMP serta beliau turut mengulas keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia secara rasminya mengesahkan *bai' al-'inah* dan *tawarruq* akan digunakan untuk tujuan pengurusan kecairan. (Dusuki, A. W. 2007)

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini mengaplikasikan tiga metode utama bagi pengumpulan data yang menjurus kepada pengkajian paradigma platform BSAS dan prinsip *tawarruq*. Permulaannya, metode kepustakaan yang digunakan untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dalam bentuk tesis, buku, artikel, jurnal, majalah dan kajian ilmiah yang berkaitan dengan isu pelaksanaan platform BSAS dan *tawarruq*. Bagi memperolehi bahan maklumat tersebut, beberapa pusat sumber telah dilawati seperti perpustakaan UIAM, ISRA dan INCEIF. Seterusnya metode temubual separa struktur pula dijalankan dengan penelitian terhadap maklumat-maklumat primer yang terkini berkaitan dengan operasi pelaksanaan platform BSAS di BMIS dan pembiayaan produk berasaskan prinsip *tawarruq* di beberapa perbankan Islam. Beberapa responden berautoriti telah ditemu bual secara langsung iaitu En. Shamsul Akmal Ahmad (Naib Presiden BSAS, Pasaran Alternatif dan Islam), Cik Aziah Aziz (Pegawai Syariah Bank Rakyat) dan En. Asharul Huzairi Mohd Mansor (Pegawai Syariah Hong Leong Islamic Bank). Kesemua responden turut memberi kerjasama menyediakan kontrak pembiayaan menggunakan prinsip *tawarruq*, dokumentasi BSAS dan segala yang berkaitan dengan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Peserta dan Rangka Kerja Platform BSAS

Operasi platform BSAS memerlukan kepada penglibatan peserta supaya komoditi yang di niagakan di BSAS dapat di niagakan dengan sepenuhnya dan seterusnya pelaksanaan prinsip *tawarruq* dapat dilaksanakan mengikut garis panduan piawai Syariah. Antara peserta yang terlibat di dalam urusan niaga BSAS ialah Bursa Malaysia, perbankan Islam dan pembekal komoditi.

Bagi melancarkan perjalanan sistem urusan niaga di BSAS, Bursa Malaysia mewujudkan subsidiarinya sendiri iaitu BMIS. Ia berperanan sepenuhnya untuk mengawal platform BSAS, mencari pembekal komoditi, menyelenggara BSAS serta mencari perbankan Islam sebagai pelanggan platform BSAS. Penyeliaan dan pemantauan platform BSAS bermula daripada komoditi di letakkan di pasaran sehinggalah komoditi tersebut selesai berpindah milik kepada pembeli terakhir. Pemantauan ini di sokong dengan sistem elektronik yang di bangunan oleh pihak Bursa Malaysia.

Begitu juga dengan perbankan Islam, sejak BSAS di lancarkan pada tahun 2009 hingga 2013 peserta perbankan Islam di platform BSAS adalah sebanyak 78 merangkumi institusi tempatan dan luar negara. Manakala pembekal komoditi, pihak BMIS mendapatkan pembekal komoditi tempatan dalam masa yang sama membantu pembekal komoditi menjual di pasaran.

Komoditi Yang di tawarkan di BSAS

Terdapat 4 komoditi utama yang di niagakan di platform BSAS. Ia bertujuan untuk mempelbagaikan komoditi dagangan serta memenuhi permintaan pihak perbankan Islam. Antara lainnya, BSAS juga bercadang untuk mempelbagaikan komoditi yang di luluskan Syariah termasuklah kereta, unit penyaman udara, minyak, tembaga dan aluminium. Antara komoditi yang di tawarkan di BSAS ialah:

1. Minyak sawit mentah (MSM)
2. Plastic Resin (damar plastik)
3. RBD Olien
4. Kayu

Komoditi yang telah diluluskan oleh pihak BMIS mestilah merangkumi:

- i. Spesifikasi kualiti yang telah ditetapkan oleh BMIS
- ii. Pembekal komoditi harus memastikan komoditi yang di tawarkan mestilah disimpan di lokasi yang telah ditentukan
- iii. Pihak BMIS menentukan yuran dan bayaran kepada pembekal komoditi
- iv. Pembekal boleh melantik ejen pembekal untuk melakukan aktiviti-aktiviti urusan niaga di BSAS dengan syarat:
 - a) Mengemukakan tawaran untuk menjual komoditi yang diluluskan
 - b) Menjual komoditi kepada peserta dagangan melalui sistem "*commodity house*"
 - c) Membeli komoditi yang diluluskan daripada BMIS
 - d) Mengeluarkan dokumen, jika penghantaran fizikal diperlukan

- v. Dokumen penghantaran komoditi mestilah mengandungi butiran-butiran seperti berikut:
 - a) Lokasi yang telah ditentukan
 - b) Tarikh penilaian, jika ada
 - c) Suatu penyata menunjukkan komoditi telah diluluskan dan memenuhi spesifikasi untuk penghantaran
 - d) Apa-apa butiran lain sebagaimana yang telah dinyatakan oleh BMIS

Komoditi MSM merupakan komoditi utama diniagakan di BSAS. Pihak BMIS mendapatkan beberapa pembekal yang mampu membekalkan komoditi dalam jumlah yang besar. Antaranya seperti Felda Plantation, IOI Plantation dan juga Sime Darby Plantation. Manakala syarikat perladangan multi nasional pula adalah seperti Wilmar International Limited. Manakala komoditi damar plastik, pihak BMIS telah menawarkan 4 jenis damar plastik untuk di niaga di BSAS iaitu Polythelin (UI Prospector, t.t), LDPE (Exxon Mobil Chemical, t.t), HDPE (Ceresana, t.t) dan Master Batch (Made-In-China.com, t.t). Antara pembekal damar plastik untuk platform BSAS ialah Syarikat Riomas, Syarikat Lon Dah dan Syarikat Win Long. Komoditi yang seterusnya ditawarkan di platform BSAS ialah RBD Olien. Pihak BMIS perlu bekerjasama dengan PORAM kerana PORAM merupakan salah satu persatuan yang mempunyai kilang penapisan minyak sawit mentah yang menghasilkan komoditi RBD Olien. Penghasilan RBD Olien perlu melalui penyulingan, penjernihan dan penghilangan bau dan komoditi tersebut mempunyai tempoh tarikh luput serta tidak boleh disimpan lama. (Ibrahim. K. 2009). Komoditi kayu merupakan komoditi yang keempat ditawarkan di BSAS. Dagangan komoditi kayu di BSAS adalah permintaan khusus dari perbankan Islam di Kuwait. Komoditi ini di tawarkan di dalam 2 jenis, iaitu kayu keras dan lembut. Hampir keseluruhan komoditi kayu adalah berasal daripada Sabah. Pembekal komoditi kayu setelah mendapat kelulusan daripada SC, tidak memerlukan apa-apa lagi institusi untuk bergerak. Ini kerana permintaan kepada komoditi ini adalah sedikit dan khusus dari Kuwait sahaja dan tidak wujud permintaan daripada pasaran tempatan

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kedudukan Komoditi

Isu kedudukan komoditi di dalam platform BSAS tidak terlepas daripada kritikan di mana wujudnya *gharar* ke atas komoditi MSM. Penyelidik mendapati komoditi MSM yang berada di pihak pembekal sebelum di niagakan di platform BSAS sentiasa mengalir iaitu sama ada di pam masuk atau pun dipam keluar daripada tangki MSM. Ini menunjukkan bahawa kedudukan MSM adalah tidak tetap di dalam tangki yang disediakan. Berdasarkan garis panduan AAOIFI, ia boleh dikategorikan sebagai *bai' al-mausuf fi dhimmah* (jualan objek khayalan). Sekiranya menurut pendapat jumur *fuqaha* terdahulu, kontrak jual beli terhadap objek khayalan adalah tidak dibenarkan. Untuk mengelakkan berlakunya jual beli *bai' al-mausuf fi dhimmah*, maka pembeli seharusnya memastikan bahawa komoditi tersebut di kenal pasti dengan sepenuhnya. Di dalam jual beli komoditi, pembeli komoditi seharusnya mengetahui jenis, spesifikasi, sifat dan kualiti komoditi tersebut. Sekiranya pembeli tidak mengetahui spesifikasi komoditi, maka akan timbul unsur *gharar* dan pertikaian akan berlaku terhadap pemilikan komoditi tersebut. Ini penting sekiranya berlaku sebarang kerosakan dan kerugian pada komoditi tersebut, pembeli akan bertanggungjawab sepenuhnya.

Justeru, untuk mengelakkan berlakunya *gharar* terhadap komoditi tersebut pihak BMIS telah mengambil inisiatif untuk menangani isu tersebut dengan melakukan penandaan (*tagging*) ke atas komoditi tersebut dengan mengeluarkan sijil yang mengandungi maklumat lengkap berkenaan komoditi MSM yang di dagangkan di BSAS. Maklumat tersebut merangkumi maklumat berkaitan nombor bidaan, masa komoditi tersebut di isukan di BSAS, tarikh nilai, kod produk, unit, jumlah, nilai mata wang, harga dan jenis transaksi. Oleh yang demikian, tahap *gharar* dalam penggunaan komoditi MSM di platform BSAS dapat di minimumkan kerana bagi setiap transaksi jualan yang selesai di lakukan, kesemua data telah diperincikan dan direkodkan supaya tidak berlaku isu *gharar* yang besar.

Pemilikan Berganda Komoditi

Penulis mendapati isu kedua yang timbul ialah pemilikan berganda terhadap komoditi yang di niagakan di BSAS juga termasuk di dalam isu Syariah. Isu pemilikan berganda terhadap komoditi terutamanya komoditi MSM datangnya daripada perbankan Islam di Timur Tengah. Mereka beranggapan bahawa, terdapat pemilikan berganda ke atas komoditi yang di dagangkan. Pemilikan berganda ini bermaksud

ketidakpastian (*gharar*) yang mana satu menjadi hak milik kita dan mungkin komoditi yang dijual kepada kita adalah hak orang lain. Namun, isu ini telah diperjelaskan oleh pihak BMIS kepada perbankan Islam di Timur Tengah iaitu dengan menggunakan kaedah penandaan ke atas pemilikan komoditi tersebut serta mendapat kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.


KESIMPULAN

Tuntasnya, penyelidikan mendapati wujud unsur *gharar* pada beberapa situasi platform BSAS. Walaubagaimanapun, unsur-unsur *gharar* yang timbul dapat di minimumkan dan tidak mencetuskan perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana Islam. Namun begitu, penyelidik mencadangkan agar komoditi MSM dan RBD Olien di gantikan dengan komoditi yang lain yang lebih kekal fizikalnya supaya tidak wujud unsur *gharar*.

RUJUKAN

- Ab. Ghani, A. M. dan Che Abdullah, A. S. (2006). Tawarruq: Konsep dan Aplikasi dalam Kewangan Islam. Dalam Ab. Ghani, A.M. dan Mansor, F, *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia* (p. 128). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Aznan Hasan (2011), “ Penggunaan Komoditi *Murabahah* Sebagai Instrumen Pengurusan Kecairan di Dalam Institusi Kewangan Islam”, *Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2011 Kali Ke-6*, 3 Oktober 2011, Hotel Istana Kuala Lumpur, Malaysia.
- Bank Negara Malaysia, dicapai pada 27 Jun 2013, <http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2003/cp05.pdf>,
- Ceresana (t.t), *Market Study: Polyethelene-HDPE*. Dicapai pada 21 March 2014, <http://www.ceresana.com/en/market-studies/plastics/polyethylene-hdpe/>.
- Dusuki, A. W. (2007) Commodity *Murabahah* Programme (CMP): “An Innovative Approach to Liquidity Management”, *Paper Published in Journal of Islamic Economics, Banking and Finance, Volume 3, No.1: 2007*.
- Dusuki, A.W., Ali, M.M dan Sandrego, D.Y. (2013), The Application Of Commodity *Murabahah* In *Bursa Suq Al-Sila’ Malaysia Vis-À-Vis Jakarta Future Exchange Shariah Indonesia: A Comparative Analysis*, *ISRA Research Paper, (No. 49/2013)*.
- Exxon Mobil Chemical (t.t), *LDPE Resin*. Dicapai pada 21 March 2014, <http://www.exxonmobilchemical.com/Chem-English/brands/polyethylene-ldpe-resins-blown-cast-extrusion-film.aspx?ln=productsservices>.
- Ibrahim. K (2009), “*Analisis Pola Pergerakan Harga Komoditi Olein di Pasar Fisik Jakarta dan Pasar Fisik Rotterdam*”(Tesis Sarjana, Fakulti Pertanian, Institut Pertanian Bogor, 2009).
- Laldin, M. A. et. al. (2012). Fatwas in Islamic Banking: A Comparative Study between Malaysia and Gulf Cooperation Council (GCC) Countries. *ISRA Research Paper* (31/2012), 18.
- M. A. M. Adil (2012), “*Maqasid Syariah dalam Perbankan Islam*”. Dicapai pada 26 Jun 2013, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0216&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm.
- Made-In-China.com (t.t), *PVC Resin Plastic Auto Parts Green Masterbatch*. Dicapai pada 21 March 2014, <http://colormasterbatches.en.made-in-china.com/product/yKTJvewdpHcC/China-PVC-Resin-Plastic-Auto-Parts-Green-Masterbatch.html>.
- Mohamad, M. T., Sulaiman @ Mohamad, A. A. dan Borhan, J. T. (2010), Analisis Pengaruh Risiko Terhadap Prestasi Keuntungan Perbankan Islam Di Malaysia, *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V)*, Jilid 1 (2010) 247-255.
- Mohd Noor, A. dan Mahadi, N.F. (2010), A Review Of Commodity *Murabahah* Transaction As Offered By Bursa Malaysia: A Critical Analysis From Fiqh Perspective, *In: Langkawi International Conference Islamic Economics Finance And Banking, 13-15 December 2010*, Kolej Uniersiti Insaniah, Kedah.
- Rudnyckyj, D. (2013), “From Wall Street to Halal Street: Malaysia and the Globalization of Islamic Finance”, *The Journal of Asian Studies*, 72, h. 831-848, 14 Oktober 2013.
- S.S Rayner (1991), *The Theory of Contract in Islamic Law: A Comparative Analysis with Particular Reference to the Modern Legislation in Kuwait, Bahrain and The United Arab Emirates (London: Graham & Trotman Ltd)*, h.133.
- Shaharuddin, A. “The Bay’ al-Inah Controversy in Malaysian Islamic Banking”. Dicapai 22 Januari 2013, <http://www.kantakji.com/fiqh/Files/Markets/p118.pdf>,

Sulaiman, S “*Bursa Suq al-Sila’: Platform Pengurusan Kecairan Tunai*”, laman sesawang JAKIM. Dicapai pada 13 Julai 2013, <http://www.islam.gov.my/muamalat/artikel/bursa-suq-al-sila-platform-pengurusan-kecairan-tunai>.
 UI Prospector (t.t), *Polyethylene*. Dicapai pada 19 March 2014, <http://plastics.ides.com/generics/27/polyethylene-pe>.
 Wizarah al-Awqaf wa al-Syu’un al-Islamiyyah(1998), *al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah*, Jil 14, Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu’un al-Islamiyyah, h.93.



RAJAH 1: Rangka Kerja Platform BSAS

JADUAL 1: Spesifikasi Minyak Sawit Mentah

Spesifikasi Minyak Sawit Mentah

Spesifikasi	Parameter
Kod Kontrak	CM-CPO
Harga	Berdasarkan (tanda aras yang telah di ditetapkan) mengikut pembayaran perdagangan sebelumnya yang telah di ditetapkan mengikut kontrak spot hadapan Minyak Sawit Mentah. Harga kekal sama untuk hari tersebut.
Kaedah Penyelesaian	Penyerahan Minyak Sawit Mentah (memperuntukkan tunai untuk penyelesaian)
Gred Kontrak	Free Fatty Acid (FFA) tidak melebihi 5.75%. Kelembapan dan Kekotoran tidak melebihi 0.5%
Tempat penyerahan	Tempat simpanan pembekal komoditi Minyak Sawit Mentah

JADUAL 2: Spesifikasi Damar Plastik

Spesifikasi <i>Plastic Resin –A (PRA)</i>		Spesifikasi <i>Plastic Resin –B (PRB)</i>																									
Spesifikasi	Parameter	Spesifikasi	Parameter																								
Kod Kontrak	<i>CM-PRA</i>	Kod Kontrak	<i>CM-PRB</i>																								
Harga	Berdasarkan (tanda aras) harga yang diberikan oleh pembekal plastik. Harga kekal sama untuk hari tersebut	Harga	Berdasarkan (tanda aras) harga yang diberikan oleh pembekal plastik. Harga kekal sama untuk hari tersebut																								
Kaedah Penyelesaian	Penghantaran PRA (pembayaran mestilah dalam tunai)	Kaedah Penyelesaian	Penghantaran PRB (pembayaran mestilah dalam tunai)																								
Gred Kontrak	<p><i>Density (g/m³) – 0.92 to 2.0</i></p> <p><i>Indeks Kecairan @ 2.16kg (g/10 minit), 190°c-0.25 hingga 65</i></p> <table border="1" data-bbox="343 604 686 828"> <thead> <tr> <th>Komponen</th> <th>Penerangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>HDPE</td> <td>High Density Polyethylene</td> </tr> <tr> <td>LDPE</td> <td>Low Density Polyethylene</td> </tr> <tr> <td>LLDPE</td> <td>Linear Low Density Polyethylene</td> </tr> <tr> <td>PP</td> <td>Polypropylene</td> </tr> </tbody> </table>	Komponen	Penerangan	HDPE	High Density Polyethylene	LDPE	Low Density Polyethylene	LLDPE	Linear Low Density Polyethylene	PP	Polypropylene	Gred Kontrak	<p><i>Density (g/m³) – 0.92 hingga 2.0</i></p> <p><i>Indeks Kecairan @ 2.16kg (g/10 minit), 190°c-0.25 hingga 65</i></p> <table border="1" data-bbox="973 492 1356 739"> <thead> <tr> <th>Komponen</th> <th>Penerangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>PE-based</td> <td><i>Polyethylene based</i></td> </tr> <tr> <td>Vista Maxx</td> <td><i>Plastic berasaskan elastomer</i></td> </tr> <tr> <td>Master Batch</td> <td><i>Solid or liquid additives for plastic</i></td> </tr> <tr> <td>ABS</td> <td><i>Acrylonite Butadine Styrene</i></td> </tr> <tr> <td>PET</td> <td><i>Polyethylene Terephthalate</i></td> </tr> <tr> <td>PVC</td> <td><i>Rigid Loyvinyl Chloride</i></td> </tr> </tbody> </table>	Komponen	Penerangan	PE-based	<i>Polyethylene based</i>	Vista Maxx	<i>Plastic berasaskan elastomer</i>	Master Batch	<i>Solid or liquid additives for plastic</i>	ABS	<i>Acrylonite Butadine Styrene</i>	PET	<i>Polyethylene Terephthalate</i>	PVC	<i>Rigid Loyvinyl Chloride</i>
Komponen	Penerangan																										
HDPE	High Density Polyethylene																										
LDPE	Low Density Polyethylene																										
LLDPE	Linear Low Density Polyethylene																										
PP	Polypropylene																										
Komponen	Penerangan																										
PE-based	<i>Polyethylene based</i>																										
Vista Maxx	<i>Plastic berasaskan elastomer</i>																										
Master Batch	<i>Solid or liquid additives for plastic</i>																										
ABS	<i>Acrylonite Butadine Styrene</i>																										
PET	<i>Polyethylene Terephthalate</i>																										
PVC	<i>Rigid Loyvinyl Chloride</i>																										
Tempat penyerahan	Tempat simpanan pembekal komoditi plastik	Tempat penyerahan	Tempat simpanan pembekal komoditi plastik																								

JADUAL 3: Spesifikasi RBD Olien

Spesifikasi <i>RBD Olien</i>	
Spesifikasi	Parameter
Kod Kontrak	<i>CM-OLN</i>
Harga	Berdasarkan (tanda aras yang telah di tetapkan) mengikut pembayaran perdagangan sebelumnya yang telah di tetapkan oleh MPOB secara harian berdasarkan harga tempatan <i>RBD Olien & Stearin</i> . Harga kekal sama untuk hari tersebut.
Kaedah Penyelesaian	Penyerahan <i>Olien</i> (pembayaran mestilah dalam tunai)
Gred Kontrak	<p><i>Free Fatty Acid (FFA)</i> (seperti Palmitik) daripada Sawit <i>Olien</i> yang telah dihantar ke dalam tanki mestilah tidak melebihi 0.1%</p> <p>Kelembapan dan Kekotoran tidak melebihi 0.1%</p> <p>Kadar minimum nilai <i>Iodine (I.V)</i>(Wijs) adalah 56</p> <p>Indeks kecairan C (AOCS Cc 3-25) tidak melebihi 24 Darjah C</p> <p>Warna ($5 \frac{1}{4}$ Lovibond Cell) 3 Red Max</p>
Tempat penyerahan	Tempat simpanan pembekal komoditi Minyak Sawit Mentah

JADUAL 4: Spesifikasi Kayu

Spesifikasi Kayu Lempit (TBS)	
Spesifikasi	Parameter
Kod Kontrak	CM-TBS
Harga	Berdasarkan (tanda aras yang telah di tetapkan) mengikut pembayaran perdagangan sebelumnya yang telah di tetapkan oleh MTIB secara harian berdasarkan harga tempatan kayu. Harga kekal sama untuk hari tersebut.
Kaedah Penyelesaian	Penyerahan TBS (pembayaran mestilah dalam tunai)
Gred Kontrak	Ketumpatan udara kering kg/m ³ untuk kayu lembut ialah 385-735 Penyusutan – <i>radial</i> : 0.0-1.2 Penyusutan <i>tangential</i> : 0.0-2.5
Tempat penyerahan	Kilang dan gudang kayu

Spesifikasi Kayu Keras (TBS)	
Spesifikasi	Parameter
Kod Kontrak	CM-TBS
Harga	Berdasarkan (tanda aras yang telah di tetapkan) mengikut pembayaran perdagangan sebelumnya yang telah di tetapkan oleh MTIB secara harian berdasarkan harga tempatan kayu. Harga kekal sama untuk hari tersebut.
Kaedah Penyelesaian	Penyerahan TBS (pembayaran mestilah dalam tunai)
Gred Kontrak	Ketumpatan udara kering kg/m ³ untuk kayu keras ialah 320-1,055 Penyusutan – <i>radial</i> : 0.6-3.2 Penyusutan <i>tangential</i> : 1.3-4.5
Tempat penyerahan	Kilang dan gudang kayu